



**SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR** melambai tangan kepada orang ramai yang hadir pada program Kembara Mahkota Johor di Pekan Rengit, Batu Pahat, semalam. - UTUSAN/MOHD HAZROL ZAINAL

## Kembara Mahkota Johor jenama baharu negeri – MB

**JOHOR BAHRU 17 Mei** - Kembara Mahkota Johor (KMJ) yang diperkenalkan sejak 2001 menjadi satu jenama baharu untuk negeri ini yang mengetengahkan pelbagai pembaharuan pada setiap tahun.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, setiap tahun, KMJ yang menunjukkan pendekatan inovatif untuk menjadikan perjalanan ini benar-benar berkesan kini mendapat liputan semakin meluas.

Katanya, program ini bertambah unik apabila Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar diiringi Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah dan putera serta puteri



baginda meluangkan masa bersama-sama rakyat jelata dengan pendekatan dan sentuhan tersendiri.

“Tanpa kita sedari, acara tahunan ini menjadi sinonim dengan Johor dan sentiasa dinanti-nantikan. Baginda serta seluruh kerabat diraja menyantuni anak bangsa dan rakyat

jelata dengan pendekatan dan sentuhan tersendiri, bersahaja, tanpa protokol dan penuh kemesraan.

“Inilah jenama paling sesuai untuk menggambarkan sultan dan rakyat berpisah tiada yang diterjemahkan dengan bersungguh-sungguh saban tahun tanpa jemu,” katanya ketika berucap dalam penutupan Kembara Mahkota Johor 2016 di Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Pandan di sini hari ini.

Yang turut berangkat Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail; Tunku Temenggong, Tunku Idris Iskandar; Tunku Panglima, Tunku Abdul Rahman dan Tunku Puteri, Tunku Tun Aminah.

Selain itu, yang hadir sama Setia-

saha Kerajaan Negeri, Datuk Ismail Karim; Yang Dipertua Majlis Jumaah Diraja, Datuk Abd. Rahim Ramli; Speaker Dewan Undangan Negeri Johor, Tan Sri Mohammad Aziz, barisan Exco dan pegawai kanan kerajaan.

Kembara Mahkota Johor (KMJ) 2016 melabuhkan tirainya hari ini selepas empat hari Sultan Johor mendekati rakyat di semua 10 daerah di negeri ini, antaranya Kulai, Kota Tinggi, Mersing, Kluang, Segamat, Tangkak, Muar dan Batu Pahat.

KMJ 2016 yang memasuki edisi ke-19 buat julung-julung kalinya menyaksikan tiga trak Mack milik baginda 'beraksi' membabitkan perjalanan sejauh 842 kilometer.